



**STANDARD KEMAHIRAN PEKERJAAN KEBANGSAAN
(NATIONAL OCCUPATIONAL SKILLS STANDARD)**

**SENI LAKON TEATER
TAHAP 3**



JPK

**Jabatan Pembangunan Kemahiran
Kementerian Sumber Manusia, Malaysia**

Hak Cipta Terpelihara © JPK 2016



Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK)
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62530 PUTRAJAYA, MALAYSIA

STANDARD KEMAHIRAN PEKERJAAN KEBANGSAAN
(NATIONAL OCCUPATIONAL SKILLS STANDARD)

SENI LAKON TEATER

TAHAP 3

Edisi Pertama 2016

Hak Cipta Terpelihara

Tiada mana-mana bahagian dokumen ini boleh diubah, disalin, diedar, dihantar semula, disiarkan, dipamerkan, diterbitkan, dilesenkan, dipindah, dijual atau diuruskan bagi tujuan komersil dalam apa bentuk sekalipun tanpa mendapat kebenaran secara bertulis yang jelas terlebih dahulu daripada Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK).

GLOSARI & SINGKATAN

SINGKATAN

AVA	<i>Audio Visual Aids</i>
CoCU	Curriculum of Competency Unit
CP	Competency Profile
CPC	Competency Profile Chart
CU	Competency Unit
DSD	Department of Skills Development
JPK	Jabatan Pembangunan Kemahiran
JTPS	Jawatankuasa Teknikal Penilaian Standard
JTS	Jawatankuasa Teknikal Standard
MPKK	Majlis Pembangunan Kemahiran Kebangsaan
NOSS	National Occupational Skills Standard
SKM	Sijil Kemahiran Malaysia
SP	Standard Practice

GLOSARI

Produksi	Satu cara, metod dan teknik bagaimana sumber-sumber tenaga kerja bahan dan dana digunakan untuk mendapatkan sesuatu hasil
Naskhah	Teks dalam bentuk penulisan skrip sama ada drama pentas, drama radio atau lakon layar
Sedar ruang	Kesedaran terhadap satu-satu persekitaran, keadaan dan situasi
Konsentrasi	Tumpuan penuh pada satu-satu perkara dan situasi
Vokal	Bunyi yang dihasilkan oleh tubuh badan manusia melibatkan bahasa serta luahan rasa melalui mimik muka
Dinamik	Ukuran terhadap penjanaan tenaga dalam sesuatu lakonan
Tempo	Ukuran panjang pendek suara pada suku kata yang dipentingkan dalam suatu sebutan
Nada	Ukuran tinggi rendahnya bunyi (sama ada di dalam penyampaian intonasi dialog, lagu & muzik)
Aksi	Perbuatan dalam sesuatu perkara pada sesuatu situasi
Reaksi	Tindak balas serta-merta kesan daripada aksi dan persekitaran
Dialog	Bentuk komunikasi interpersonal yang melibatkan aksi dan reaksi
Eksplorasi	Dorongan yang mencetuskan ilham dan pemikiran baru
Projeksi	Kelantangan vokal dalam penyebutan perkataan dan ayat
Artikulasi	Kejelasan vokal dalam penyebutan perkataan dan ayat
Santai	Keadaan yang lebih bersahaja, tanpa melibatkan banyak tekanan
Ekspresi	Mimik muka yang melibatkan kesan rasa dan emosi
Imaginasi	Bayangan kepada sesuatu perkara atau situasi

Motivasi	Dorongan terhadap satu-satu perkara dan keadaan
Justifikasi	Membuat penilaian secara wajar dengan sokongan dan bukti yang konkret
Improvisasi	Kaedah lakonan secara spontan
Skrip	Naskhah drama yang dihasilkan sama ada untuk pementasan teater, radio atau televisyen.
Abstrak	Kesenian kontemporari yang tidak menggambarkan objek dalam dunia sebenar, tetapi menggunakan warna dan bentuk dalam cara non-representasional.
Sebabak	Sebuah naskhah lakon atau persembahan teater lengkap yang mempunyai satu latar tempat sahaja dari awal hingga akhir cerita
Monodrama	Sebuah naskhah lakon atau pementasan teater yang disampaikan oleh seorang pelakon yang memainkan lebih daripada satu watak
Laras	Laras bahasa boleh dertiakan sebagai gaya atau cara menggunakan sesuatu bahasa dalam sesuatu situasi. Laras akan sentiasa berubah-ubah berdasarkan fungsi dan keadaan.
Dialek	Bahasa daerah atau bahasa mengikut negeri masing-masing
Slanga	Bahasa yang dihasilkan dan digunakan oleh kumpulan tertentu
Kolokial	Bahasa basahan atau bahasa yang digunakan dalam percakapan hari-hari
Jargon	Bahasa yang diguna pakai oleh sekumpulan penutur dalam konteks tertentu dan biasanya hanya difahami oleh kelompok tersebut.
Klimaks	Puncak plot

Konflik	Pertentangan pendapat yang menimbulkan ketegangan plot
Refleksi	Membuat muhasabah diri atau renungan kendiri
Monolog	Berkata-kata sendirian
Plot	Jalan cerita dan bagaimana teknik pengarah atau pergerakan cerita daripada satu peristiwa ke satu peristiwa yang berlaku seterusnya sehingga tamat
Peleraian	Peleraian – cara cerita diakhirkan oleh penulis
Kertas sebak	Kertas mahjong yang berwarna putih
<i>Run Through</i>	Latihan penuh daripada mula sampai tamat persembahan.
Gerak Kreatif	Pergerakan yang diperbesar-besarkan dan hasil dari proses kreatif.
Memory Recall	Pengalaman pelakon dalam realiti kehidupan merupakan bahan yang penting dalam menghasilkan transformasi watak.
Pasca Nilai	Penilaian setelah selesai persembahan
Abdomen	Bahagian badan diantara pelvis dan dada.
Diafragma	Otot utama yang digunakan dalam proses menarik dan mengeluarkan nafas.
Tarik Nasib	Pelakon menyanyi ketika didalam situasi kesedihan.
Narator	Merupakan pencerita didalm sesebuah pementasan.
Serambi	Merupakan ruang untuk berbincang / bermuzakarah.
Konsep teater-	Teater sebagai alat pendidikan , kaunseling, motivasi dan ibadah.
Sakinah	
Dekon	Satu bentuk lakonan yang menggunakan sajak sebagai naskhah.
Tablo	Jenis drama yang mengutamakan gerak, para pemainnya tidak

Drama Radio	mengucapkan dialog, tetapi hanya melakukan gerakan.
Pantomim	Drama radio tidak dapat dilihat dan disentuh, tetapi boleh didengar oleh pendengar.
	Lakonan dipersembahkan melalui gerak badan dan memek muka yang berlebihan untuk menyatakan aksi dan perasaan watak.

SENARAI JADUAL & GAMBARAJAH

<u>JADUAL</u>	<u>PERKARA</u>	<u>HALAMAN</u>
Jadual 1	Struktur Pekerjaan untuk Bidang Seni Lakon Teater (Tahap 3)	3
Jadual 2	Struktur Bidang Pekerjaan untuk Bidang Seni Lakon Teater (Tahap 3)	3
Jadual 3	Ringkasan Tempoh Latihan Untuk Seni Lakon Teater (Tahap 3)	139

<u>GAMBARAJAH</u>	<u>PERKARA</u>	<u>HALAMAN</u>
	tiada	

SENARAI KANDUNGAN

BIL.	KANDUNGAN	HALAMAN
Glosari & Singkatan		i - iv
Senarai Jadual & Gambarajah		v
Amalan Standard (SP)		
1	Pengenalan	1 - 2
2	Struktur Pekerjaan	3 - 4
3	Definisi Tahap Kompetensi	5
4	Penganugerahan Sijil	6
5	Kompetensi Pekerjaan	6
6	Suasana Pekerjaan	7
7	Peluang Pekerjaan	7
8	Peningkatan Kerjaya	7
9	Sumber Maklumat Tambahan	8 - 9
10	Penghargaan	10
11	Ahli Jawatankuasa Pembangunan NOSS	11
Kandungan Standard		
12	Carta Profil Kompetensi (CPC)	12
13	Profil Kompetensi (CP)	13 - 41
Unit Kompetensi Kurikulum (CoCU)		
14	Lakonan Teater Monolog / Monodrama	42 - 56
15	Lakonan Teater Moden	57 - 72
16	Lakonan Teater Pantomim / Tablo / Dekon	73 - 88
17	Lakonan Teater Eksperimental	89 - 105
18	Lakonan Teater Bangsawan	106 - 122
19	Lakonan Teater Tradisional	123 - 138
20	Taburan Jam Interaksi	139

AMALAN STANDARD
STANDARD KEMAHIRAN PEKERJAAN KEBANGSAAN (NOSS) UNTUK

SENI LAKON TEATER
TAHAP 3

1. PENGENALAN

1.1 Latar Belakang

Dokumen NOSS ini menunjukkan laluan kerjaya berstruktur bagi sektor seni lakon teater dalam bidang seni persembahan. NOSS ini menyediakan set aktiviti berstruktur bagi membolehkan seseorang mendapatkan kompetensi dalam kerjaya bidang seni lakon teater. NOSS ini dibangunkan bersama-sama pakar industri, aktivis teater dan ahli akademik daripada institusi pembelajaran kemahiran tinggi, atas keperluan semasa dalam industri seni persembahan. Dokumen NOSS yang dibangunkan hendaklah digunakan sebagai asas latihan dan penilaian oleh penyedia latihan di Malaysia.

Amalan Standard (*Standard Practice*) dan Kandungan Standard (*Standard Content*) merupakan sebahagian dokumen NOSS. Dokumen ini dibangunkan berdasarkan analisis pekerjaan yang meliputi keperluan Standard Kompetensi Seni Lakon Teater Tahap 3 dan merupakan keutamaan dalam industri seni persembahan. Panel pakar merumuskan bahawa bidang kerja ini memerlukan pelbagai aktiviti kerja yang berbeza, dan dilaksanakan dalam pelbagai program. Untuk menghasilkan pekerja berkemahiran dalam industri ini, latihan berstruktur sangat diperlukan.

Seni lakon teater merupakan satu bidang yang berkembang pesat dan memerlukan ramai tenaga mahir. Bidang ini merupakan komponen yang sangat penting dalam industri seni persembahan bagi menghasilkan karya kreatif yang berkualiti dan berwibawa demi memenuhi keperluan semasa negara dalam era globalisasi ini.

Proses melahirkan produk seni lakon teater yang berkualiti dan berketerampilan terdiri daripada aktiviti yang melibatkan pusat latihan, tenaga pengajar, penilai, pelatih, dan fasiliti yang lengkap. Dalam industri seni persembahan, bidang seni lakon teater merupakan tonggak utama dalam penghasilan produk persembahan.

Bidang tugas seni lakon teater bukan sahaja meliputi pemilihan dan pembinaan judul serta menentukan kualiti sesuatu lakonan berdasarkan spesifikasi seni lakon teater, malah turut terlibat dalam proses penghasilan sesebuah produksi teater.

1.2 Justifikasi dan Rasional Pembangunan NOSS

NOSS ini dibangunkan atas kesedaran perkembangan semasa ekonomi global menunjukkan industri kreatif adalah salah satu sumber penting pertumbuhan ekonomi dan percambahan budaya di negara-negara maju. Contohnya industri ini telah menyumbang sebanyak USD\$3 trilion kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Amerika Syarikat. Dalam perspektif ekonomi dan sosial budaya Malaysia, industri kreatif telah memberi sumbangan sebanyak RM 9.4 bilion kepada KDNK negara pada tahun 2008 merujuk kepada Buku Dasar Industri Kreatif Negara (DIKN) oleh Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan tahun 2010 dan berpotensi menjana ekonomi berpendapatan tinggi serta memartabatkan budaya negara.

Justeru amat pentinglah industri ini dibangunkan secara bersepadu dan terancang melalui Dasar Industri Kreatif Negara (DIKN) yang telah digubal pada 17 Mac 2009. Dasar industri kreatif ini merangkumi seni persembahan termasuk seni lakon teater dan muzik, reka bentuk, animasi, pengiklanan dan pembangunan kandungan tempatan. Sebanyak RM200 juta telah diperuntukkan oleh Y.A.B Perdana Menteri dalam bajet 2010 bagi tujuan pembangunan industri ini. Ini membuktikan bahawa industri ini sangat penting terhadap pembangunan ekonomi dan sosio budaya negara.

NOSS ini dibangunkan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) dan inputnya diperoleh daripada pakar industri, aktivis teater dan ahli akademik yang dijadikan asas untuk latihan dan penilaian oleh penyedia latihan di Malaysia.

Keperluan untuk kemahiran seni lakon teater:

- Menjayakan Wawasan 2020
- Merealisasikan Dasar Industri Kreatif Negara (DIKN)
- Melahirkan lebih ramai pelakon yang menjawai jati diri bangsa.
- Memenuhi keperluan DIKN.
- Melahirkan tenaga kerja profesional setanding dengan tahap antarabangsa bagi menyokong visi kerajaan untuk menjadi peneraju dalam bidang industri kreatif dalam dan luar negara.

1.3 Keperluan peraturan / badan berkanun untuk pekerjaan

Antara peraturan yang dikenal pasti berkaitan dengan bidang kerja ini adalah seperti yang berikut:

- Akta Hak Cipta 1987
- Akta Hasutan 1948 (semakan 1969, pindaan 1970)
- Akta Fitnah 1957
- Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960
- Dasar Kebudayaan Kebangsaan
- Dasar Industri Kreatif Negara (DIKN) 2009.

1.4 Prasyarat Pekerjaan

Keperluan minimum untuk mengikuti bidang pekerjaan ini adalah seperti yang berikut:

- Sihat Tubuh Badan
- Boleh Bertutur dan Membaca
- Minat Yang Mendalam

2. STRUKTUR PEKERJAAN

2.1 STRUKTUR PEKERJAAN

SEKTOR	KESENIAN, HIBURAN DAN REKREASI (R)
SUB- SEKTOR	AKTIVITI KESENIAN, HIBURAN DAN KREATIF (900)
BIDANG KERJA	LAKONAN
TAHAP 5	Jurulatih Teater
TAHAP 4	Penolong Jurulatih Teater
TAHAP 3	Pelakon Utama Teater
TAHAP 2	Pelakon Teater
TAHAP 1	Pembantu Pelakon Teater

Jadual 2.1 Struktur Pekerjaan untuk Bidang Seni Lakon Teater (Tahap 3)

2.2 STRUKTUR BIDANG PEKERJAAN

SEKTOR	KESENIAN, HIBURAN DAN REKREASI (R)
SUB - SEKTOR	AKTIVITI KESENIAN, HIBURAN DAN KREATIF (900)
BIDANG KERJA	LAKONAN
TAHAP 5	Kejurulatihan Seni Lakon Teater
TAHAP 4	Kejurulatihan Seni Lakon Teater
TAHAP 3	Seni Lakon Teater
TAHAP 2	Terangkum di dalam Tahap 3
TAHAP 1	Terangkum di dalam Tahap 3

Jadual 2.2 Struktur Bidang Pekerjaan untuk Bidang Seni Lakon Teater (Tahap 3)

JUSTIFIKASI TERANGKUM KE TAHAP 3

Berdasarkan perbincangan antara panel, keputusan telah dibuat bahawa kerja di tahap 1 dan 2 terangkum di tahap 3 disebabkan oleh keadaan proses kerja dan keterampilan yang setara serta skop kerja dan keperluan industri yang sama. Ianya hanya dibezakan oleh pengalaman dan tanggungjawab berdasarkan peranan yang dimainkan di dalam sesuatu lakonan yang diberikan. Selain itu perbezaan hanya terlihat pada genre dan bentuk teater.

3. DEFINISI TAHAP KOMPETENSI

SKPK ini dibangunkan meliputi pelbagai bidang pekerjaan. Calon-calon yang akan ditauliahkan mestilah menjalani latihan dan dilatih pada setiap tahap untuk mengesahkan kompetensi bidang tersebut. Berikut ialah rujukan persijilan mengikut tahap yang ditentukan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia, Malaysia.

- | | |
|---------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Tahap 1 | Terampil melakukan pelbagai aktiviti kerja, sebahagian besarnya adalah lazim dilakukan dan boleh dijangka. |
| Tahap 2 | Terampil melakukan pelbagai aktiviti kerja dalam pelbagai konteks, sebahagiannya adalah tidak lazim dilakukan serta memerlukan tanggungjawab dan autonomi diri. |
| Tahap 3 | Terampil melakukan pelbagai aktiviti kerja dalam pelbagai konteks, kebanyakannya adalah kompleks dan tidak lazim dilakukan. Mempunyai tanggungjawab dan autonomi diri yang tinggi, di samping mengawal dan memberi panduan kepada yang lain. |
| Tahap 4 | Terampil melakukan pelbagai aktiviti kerja teknikal dan profesional yang luas skop dan konteksnya. Mempunyai tanggungjawab dan autonomi diri yang tinggi, selain sentiasa bertanggungjawab terhadap kerja orang lain dan agihan sumber. |
| Tahap 5 | Terampil menggunakan pelbagai prinsip asas dan teknik yang kompleks dan luas serta selalu tidak dijangka. Mempunyai tanggungjawab dan autonomi diri yang sangat tinggi, serta bertanggungjawab terhadap kerja orang lain dan agihan sumber. Bertanggungjawab juga terhadap analisis, diagnosis, reka bentuk, perancangan, pengendalian dan penilaian. |

4. PENGANUGERAHAN SIJIL

Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran menganugerahkan sijil yang berikut kepada mana-mana individu apabila berjaya menamatkan program NOSS mengikut tahap kelayakan kemahiran;

- a) Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) / *Malaysian Skills Certificate*
Tahap 1, Tahap 2, dan Tahap 3
- b) Diploma Kemahiran Malaysia (DKM) / *Malaysian Skills Diploma*
Tahap 4
- c) Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia (DLKM) / *Malaysian Skills Advanced Diploma* Tahap 5
- d) Penyata Pencapaian (PC) / *Statement of Achievement*

Tiada sesiapa yang boleh diberikan sijil melainkan telah memenuhi keperluan yang ditetapkan melalui sistem Persijilan Kemahiran Malaysia.

5. KOMPETENSI PEKERJAAN

Seni Lakon Teater (Tahap 3) ditugaskan untuk melaksanakan kerja yang memerlukan keterampilan teras (core) yang berikut:

1. Lakonan Teater Monolog/Monodrama
2. Lakonan Teater Moden
3. Lakonan Teater Pantomim/Tablo/Dekon
4. Lakonan Teater Eksperimental
5. Lakonan Teater Bangsawan
6. Lakonan Teater Tradisional

6. SUASANA PEKERJAAN

Lazimnya, pelakon bekerja dalam produksi teater yang melibatkan kawasan pentas sama ada dalam auditorium, bilik khas, maupun tempat terbuka. Masa pekerjaan pula bersifat fleksibel dan boleh diselaraskan mengikut kesesuaian serta persetujuan produksi. Mereka dikehendaki membuat kerja lapangan bergantung pada watak yang dipegang. Pelakon teater perlulah melalui proses latihan dari segi fizikal, vokal, mental, dan emosi. Pelakon juga perlu menjadi seorang pekerja yang berdisiplin, bertanggungjawab, dan komited terhadap tugasnya serta mempunyai semangat kerja berpasukan.

7. PELUANG PEKERJAAN

Terdapat peluang yang menarik dalam industri berasaskan kemahiran dan keterampilan berkaitan lakonan seperti pelakon teater, drama radio, drama tv, dan filem. Selain itu, sebagai tenaga pengajar (jurulatih dan fasilitator) di institusi pendidikan, sektor swasta dan awam. Dalam bidang pengucapan awam pula, pelakon juga boleh melebarkan bakat dalam kerjaya sebagai pengacara, pembaca berita, motivator, deklamator, juruhebah, pencerita, narator, suara latar, dan usahawan industri seni. Bidang ini juga dianggap sebagai landasan yang baik untuk menjadi seniman dan karyawan dalam bidang seni kreatif.

8. PENINGKATAN KERJAYA

Penekanan kerajaan terhadap pendidikan dan usaha dalam menghasilkan pekerja berpengetahuan dan sumber manusia menjanjikan peluang yang baik bagi mereka yang terlibat dalam sektor seni kreatif khususnya seni lakon teater. Permintaan untuk pekerja berkemahiran yang terlibat dalam lakonan dalam pelbagai medium semakin meningkat.

Perkembangan industri kreatif yang pesat di negara ini dan serata dunia adalah sejajar keperluan generasi kini, justeru menghasilkan peluang pekerjaan yang lebih banyak pada masa hadapan amatlah bertepatan.

9. SUMBER MAKLUMAT TAMBAHAN

- **JABATAN KEBUDAYAAN DAN KESENIAN NEGARA (JKKN)**
KEMENTERIAN PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN MALAYSIA,
MENARA TH PERDANA, LOT 1001, JALAN SULTAN ISMAIL,
50250 KUALA LUMPUR.
Tel : 03-2614 8200/8284
Emel : info@jkkn.gov.my
- **DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA**
MENARA DBP, JALAN DEWAN BAHASA,
50460, KUALA LUMPUR.
Tel: +603 2147 9226/9227/9224
Fax: +603 2147 9647
Email: akademi@dbp.gov.my
- **MAJLIS TEATER KEBANGSAAN MALAYSIA (TEMA)**
D/A: DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
ARAS 26, MENARA DBP,
JALAN DEWAN BAHASA,
50460 KUALA LUMPUR.
- **SERAMBI PRUDOCTION**
(INSTITUSI SERAMBI PENEKUNAN SENI KREATIF TEATER SAKINAH)
KG. POK. 55000 PAYA MENGKUANG,
GELANG PATAH JOHOR BAHRU
JOHOR
Tel :016- 7480309 / 012-7474469
- **PERSATUAN SENI KREATIF BUDAYA WARISAN ESTETIK PULAU PINANG (SEKENET)**
1175, MK. 11, KAMPUNG MANGGIS, BAYAN LEPAS,
11900 PULAU PINANG.
Tel: 012-4550071
Email : sekenet_penang@gmail.com , veeramasura@gmail.com)
- **PERSATUAN TEATER KESUMA-i JOHOR BAHRU**
BLOCK 60, UNIT 0126, TAMAN UNGKU TUN AMINAH,
81300 JOHOR BAHRU, JOHOR.
Tel: 019-7230033
Email : blues_zam@yahoo.com.my
- **KELAB GROUP TEATER MARHAEN NEGERI MELAKA (MARHAEN GROUP)**
NO 4, JALAN BUKIT BERUANG UTAMA 1,
TAMAN BUKIT BERUANG UTAMA,
75450 MELAKA.
Tel: 01133852372 / 017-2906115
Email : mohdrizalabdulghani@yahoo.com.my

- **GRUP TEATER ARTIS KREATIF KUALA LUMPUR (GERAK)**
LOT 428-22, JALAN BATU GELIGA,
TAMAN MELEWAR,
68100,KUALA LUMPUR
Tel : 013 3051401
Email : jay_han@hotmail.my
- **AKADEMI SENI BUDAYA DAN WARISAN (ASWARA)**
464,JLN TUN ISMAIL
50480 KUALA LUMPUR
Tel :017-2137368 / 03-26971777)
Email : redzuan_fauzi21@yahoo.com
- **PERTUBUHAN TEATER TEJA KUALA LUMPUR**
NO.8C/1-11, TERATAK BOURGAINVILLA,
JALAN RUSA,
53100 KLANG GATE, KUALA LUMPUR.
Tel : 014-2139343
Email : adirawahinnur@yahoo.com)
- **SEKOLAH SENI MALAYSIA KUALA LUMPUR**
SMK SHAH ALAM PERSIARAN ANJUNG SERI,
U8/80 BUKIT JELUNTUNG TIMUR.
40150 SHAH ALAM SELANGOR.
- **MAJLIS TEATER PERAK**
MAJLIS KEBUDAYAAN NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN
JKKN PERAK,
JALAN DI HILIR IPOH
31000 PERAK DARUL RIDZUAN.
Email : abahyusop@yahoo.com
- **PERSATUAN TEATER ALOR SETAR (PENTAS)**
116A ALOR GUNUNG
05150 ALOR SETAR, KEDAH.
TEL : 013-5697045.
Email : Joe_kas70@yahoo.com.my

10. PENGHARGAAN

Ketua Pengarah Jabatan Pembangunan Kemahiran dengan ini mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada organisasi dan sesiapa yang telah terlibat dalam pembangunan standard ini. Penghargaan dan terima kasih kepada ahli-ahli Jawatankuasa Penilian Teknikal Standard (JPTS) yang membantu pihak jabatan dalam mengesahkan dokumen ini. Ahli-ahli JPTS yang terlibat adalah:-

No	NAMA	ORGANISASI
1	Milyana binti Arshad	Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, Kuala Lumpur
2	Zakaria bin Ariffin	Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA), Kuala Lumpur
3	Dr. Rosdeen bin Suboh	Pusat Kesenian, Universiti Malaya, Kuala Lumpur


11. AHLI JAWATANKUASA PEMBANGUNAN NOSS

AHLI JAWATANKUASA NOSS BIDANG SENI LAKON TEATER (TAHAP 3)		
1.	Hj Ahmad Ramlee bin Hj Salikon (P.P.N.)	Pengurus Serambi Production, Teater Sakinah, Johor Bahru
2.	Zulkifle bin Abdul Majid	Jurulatih Seni Budaya Negara- Teater (JKKN) Persatuan Teater KESUMA-i Johor Bahru, Johor
3.	Mohd Yusop bin Othman	Jurulatih Seni Budaya Negara- Teater (JKKN) Majlis Teater Perak, Ipoh Perak
4.	Rashidi bin Abdul Kharis	Jurulatih Seni Budaya Negara- Teater (JKKN) Persatuan Deklamasi Lakon Perak
5.	Mohd Wahidi bin. Ab.Rahim	Jurulatih Seni Budaya Negara- Teater (JKKN) Bahagian Kebudayaan dan Kesenian Jabatan Pendidikan Kelantan
6.	Mohd Rizal bin Abdul Ghani	Jurulatih Seni Budaya Negara- Teater (JKKN) Kelab Group Teater Marhaen Negeri Melaka.
7.	Noradira binti Wahid	Jurulatih Seni Budaya Negara- Teater (JKKN) Pertubuhan Teater Teja Kuala Lumpur
8.	Norjehan binti A.Kadir@A.Rashid	Jurulatih Seni Budaya Negara- Teater(JKKN) Grup Teater Artis Kreatif Kuala Lumpur (GERAK)
9.	Zaheera binti Ibrahim	Jurulatih Teater Persatuan Penggerak Warisan Seni Budaya Negeri Kedah (AKRAB)
10.	Fasyali Fadzly bin Saipul Bahri	Pensyarah Fakulti Teater Akademi Seni Budaya Dan Warisan Kebangsaan (ASWARA)
11.	Veera bin Masura	Jurulatih Teater Persatuan Seni Budaya Warisan Estetik Pulau Pinang (SEKENET)
12.	Faziah binti Sulaiman	Fasilitator Teater JSBNC (JKKN) Majlis Teater Kebangsaan Malaysia (TEMA)
13.	Mohamad Fairul Bin Rashid	Jurulatih Teater Sekolah Seni Malaysia Kuala Lumpur
14.	Mohd Zulkamal Bin Ismail	Jurulatih Teater Persatuan Teater Alor Setar (PENTAS)
15.	Redzuan Bin Mohd Fauzi	Alumni Teater Akademi Seni Budaya Dan Warisan Kebangsaan (ASWARA)
FASILITATOR		
1.	Jefrizain bin Abdul Rasid	JPK Cyberjaya
2.	Tn. Haji Razalee bin Che Ros	JPK Cyberjaya
3.	Faizal bin Abdul Majid	JPK Cyberjaya

CARTA PROFIL KOMPETENSI (CPC)

SEKTOR	KESENIAN, HIBURAN DAN REKREASI (R)		
SUB SEKTOR	AKTIVITI KESENIAN, HIBURAN DAN KREATIF (900)		
BIDANG KERJA	LAKONAN		
TAJUK NOSS	SENI LAKON TEATER		
TAHAP NOSS	3 (TIGA)	KOD NOSS	R900-002-3:2016

← KOMPETENSI → ← → → UNIT KOMPETENSI (CU) → → →



PROFIL KOMPETENSI (CP)

SEKTOR	KESENIAN, HIBURAN DAN REKREASI (R)		
SUB SEKTOR	AKTIVITI KESENIAN, HIBURAN DAN KREATIF (900)		
BIDANG KERJA	LAKONAN		
TAJUK NOSS	SENI LAKON TEATER		
TAHAP NOSS	3 (TIGA)	KOD NOSS	R900-002-3:2016

Tajuk CU	Kod CU	Deskripsi CU	Aktiviti Kerja CU	Kriteria Prestasi
1. LAKONAN TEATER MONOLOG/ MONODRAMA	R900-002-3:2016-C01	<p>Lakonan teater monolog/monodrama adalah persembahan yang dilakukan seorang diri berdasarkan naskah dipilih untuk menyampaikan cerita dan pemikiran watak secara verbal dan/atau bukan verbal, aksi dan emosi.</p> <p>Seorang pelakon Monolog/Monodrama boleh mempraktikkan olah tubuh, lontaran suara, variasi gerak, membuat improvisasi, pengucapan teks, konsentrasi lakon, membina perwatakan watak, melakukan persediaan persembahan, melakukan raptai penuh dan mempersempahkan pementasan monolog/</p>	<p>1. Olah tubuh pelakon monolog/ monodrama</p> <p>2. Latih lontaran suara pelakon monolog/ monodrama</p>	<p>1.1 Pelakon telah berdiri dalam keadaan selesa dan tertib.</p> <p>1.2 Regangan dan pemanasan badan telah dilakukan dari kepala hingga kaki.</p> <p>1.3 Pelakon dalam keadaan bersedia</p> <p>2.1 Postur tubuh berdiri tegak dalam keadaan senang diri</p> <p>2.2 Nafas ditarik perlahan-lahan memenuhi abdomen.</p> <p>2.3 Nafas dihembus sambil menghasilkan bunyi melalui mulut mengikut arahan.</p>

Tajuk CU	Kod CU	Deskripsi CU	Aktiviti Kerja CU	Kriteria Prestasi
		<p>monodrama mengikut naskhah.</p> <p>Daripada keterampilan ini akan menghasilkan seorang pelakon yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang boleh menterjemahkan watak di atas pentas dan berlakon seorang diri dengan penuh penghayatan.</p>	<p>3. Latih gerak fizikal pelakon monolog/ monodrama</p> <p>4. Latih improvisasi lakon monolog/ monodrama</p>	<p>2.4 Suara telah dilontar dengan jelas dan lantang.</p> <p>3.1 Postur tubuh berdiri tegak dalam keadaan senang diri.</p> <p>3.2 Pergerakan pemanasan badan dilakukan.</p> <p>3.3 Gerak kreatif secara spontan dilakukan mengikut arahan.</p> <p>4.1 Bahan rangsangan seperti alam atau binatang atau objek telah dipilih.</p> <p>4.2 Ciri-ciri/sifat bahan rangsangan yang dipilih telah dikenal pasti dan disenaraikan.</p> <p>4.3 Aktiviti lakonan telah dilaksanakan berdasarkan ciri/sifat bahan rangsangan</p> <p>4.4 Gerak lakon telah divariasikan berdasarkan bahan rangsangan.</p>

Tajuk CU	Kod CU	Deskripsi CU	Aktiviti Kerja CU	Kriteria Prestasi
			<p>5. Latih konsentrasi pelakon monolog/ monodrama</p> <p>6. Latih pengucapan teks</p> <p>7. Bina watak dan perwatakan</p>	<p>5.1 Pelakon telah berada dalam keadaan minda yang tenang.</p> <p>5.2 Pernafasan dikawal dengan baik dan teratur.</p> <p>5.3 Pelakon telah fokus dan mendalami watak berdasarkan situasi dan adegan</p> <p>5.4 Ketajaman konsentrasi pelakon dibina.</p> <p>6.1 Naskhah telah diperolehi daripada produksi.</p> <p>6.2 Naskhah telah dianalisis dari segi tema, watak dan perwatakan, latar, konsep, dan mesej.</p> <p>6.3 Kepelbagaiannya intonasi, suara, emosi dan mimik muka telah digunakan dalam bacaan naskhah.</p> <p>7.1 Watak telah dikenal pasti mengikut naskhah.</p> <p>7.2 Sifat dan sikap watak telah disenaraikan berdasarkan naskhah.</p> <p>7.3 Watak dan perwatakan telah dianalisis dari aspek</p>

Tajuk CU	Kod CU	Deskripsi CU	Aktiviti Kerja CU	Kriteria Prestasi
			<p>8. Bersedia untuk persembahan</p> <p>9. Lakukan raptai penuh persembahan</p>	<p>demografi, psikologi, dan sosiologi.</p> <p>7.4 Watak telah dibina berdasarkan hasil analisis yang dilakukan.</p> <p>7.5 Justifikasi watak telah dilakukan melalui sesi diskusi dan teknik “Kerusi Panas”.</p> <p>8.1 Pelakon telah bersedia secara mental dan fizikal untuk melakonkan watak.</p> <p>8.2 Pelakon telah menggunakan ruang lakon dengan seimbang.</p> <p>8.3 Pelakon telah mengikut <i>bloking</i> yang ditetapkan oleh pengarah.</p> <p>8.4 Pelakon telah melakonakan watak sepenuhnya dalam sesi <i>run through</i>.</p> <p>9.1 Persiapan diri telah dibuat secara mental dan fizikal termasuk mengenakan busana dan tatarias dalam ruang masa yang disediakan.</p>

Tajuk CU	Kod CU	Deskripsi CU	Aktiviti Kerja CU	Kriteria Prestasi
			<p>10. Persembahkan teater monolog/monodrama</p>	<p>9.2 Persembahan telah dipertontonkan kepada khalayak tertutup dengan penuh penghayatan dan konsentrasi.</p> <p>9.3 Penambahbaikan telah dicadangkan dalam sesi diskusi selepas persembahan.</p> <p>10.1 Semua pelakon telah bersiap sedia mengikut watak dan tugas masing-masing.</p> <p>10.2 Persiapan diri telah dibuat secara mental dan fizikal termasuk mengenakan busana dan tatarias.</p> <p>10.3 Persembahan telah dipertontonkan kepada khalayak umum dengan penuh penghayatan dan konsentrasi.</p> <p>10.4 Pasca Nilai telah dilaksanakan dan kekuatan serta kelemahan persembahan telah dikenal pasti.</p>

Tajuk CU	Kod CU	Deskripsi CU	Aktiviti Kerja CU	Kriteria Prestasi
2. LAKONAN TEATER MODEN	R900-002-3:2016-C02	<p>Lakonan teater moden adalah persembahan yang dibuat dengan pendekatan yang lebih realistik dari segi gaya lakon, emosi dan pengucapan. Pada kebiasaannya lakonan teater moden berdasarkan naskhah teater realisme yang menggambarkan situasi yang sebenar.</p> <p>Seorang pelakon teater moden boleh melakukan olah tubuh, olah suara, gerak fizikal, improvisasi lakon, pengucapan teks, konsentrasi , membina perwatakan watak, persediaan persembahan dan persembahan penuh teater moden dalam pendekatan gaya lakon realistik mengikut naskhah.</p> <p>Daripada keterampilan ini akan menghasilkan seorang pelakon yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang boleh menterjemah watak di atas pentas, berlakon bersama rakan lakon dan mewujudkan variasi hubungan dengan watak lain di dalam persembahan teater moden dengan gaya lakonan</p>	<p>1. Olah tubuh pelakon moden</p> <p>2. Latih lontaran suara moden</p> <p>3. Latih gerak fizikal moden</p>	<p>1.1 Pelakon telah berdiri dalam keadaan selesa dan tertib.</p> <p>1.2 Regangan dan pemanasan badan telah dilakukan dari kepala hingga kaki.</p> <p>1.3 Pelakon dalam keadaan bersedia</p> <p>2.1 Postur tubuh berdiri tegak dalam keadaan senang diri</p> <p>2.2 Nafas ditarik perlahan-lahan memenuhi abdomen.</p> <p>2.3 Nafas dihembus sambil menghasilkan bunyi melalui mulut mengikut arahan.</p> <p>2.4 Suara telah dilontar dengan jelas dan lantang.</p> <p>3.1 Postur tubuh berdiri tegak dalam keadaan senang diri.</p> <p>3.2 Pergerakan pemanasan badan dilakukan.</p> <p>3.3 Gerak kreatif secara spontan dilakukan</p>

Tajuk CU	Kod CU	Deskripsi CU	Aktiviti Kerja CU	Kriteria Prestasi
		realistik.	<p>4. Latih improvisasi lakon moden</p> <p>5. Latih konsentrasi pelakon moden</p>	<p>mengikut arahan.</p> <p>4.1 Bahan rangsangan seperti alam atau binatang atau objek telah dipilih.</p> <p>4.2 Ciri-ciri/sifat bahan rangsangan yang dipilih telah dikenal pasti dan disenaraikan.</p> <p>4.3 Aktiviti lakonan telah dilaksanakan berdasarkan cirri/sifat bahan rangsangan</p> <p>4.4 aksi dalam lakonan di pelbagai dengan mengaplikasikan teknik improvisasi</p> <p>5.1 Pelakon telah berada dalam keadaan minda yang tenang.</p> <p>5.2 Pernafasan dikawal dengan baik dan teratur.</p> <p>5.3 Pelakon telah fokus dan mendalami watak berdasarkan situasi dan adegan</p> <p>5.4 Ketajaman konsentrasi pelakon dibina.</p>

Tajuk CU	Kod CU	Deskripsi CU	Aktiviti Kerja CU	Kriteria Prestasi
			<p>6. Latih pengucapan teks</p> <p>7. Pembinaan watak</p>	<p>6.1 Naskhah telah diperolehi daripada produksi.</p> <p>6.2 Naskhah telah dianalisis dari segi tema, watak dan perwatakan, latar, konsep, dan mesej.</p> <p>6.3 Kepelbagaiannya intonasi, suara, emosi dan mimik muka telah digunakan dalam bacaan naskhah.</p> <p>6.4 Melafazkan dialog dengan intonasi yang tepat bersama rakan lakon.</p> <p>7.1 Watak telah dikenal pasti mengikut naskhah.</p> <p>7.2 Sifat dan sikap watak telah disenaraikan berdasarkan naskhah.</p> <p>7.3 Watak dan perwatakan telah dianalisis dari aspek demografi, psikologi, dan sosiologi.</p> <p>7.4 Watak telah dibina berdasarkan hasil analisis yang dilakukan.</p> <p>7.5 Justifikasi watak telah dilakukan melalui sesi diskusi dan teknik “Kerusi Panas”.</p>

Tajuk CU	Kod CU	Deskripsi CU	Aktiviti Kerja CU	Kriteria Prestasi
			<p>8. Persediaan persembahan</p> <p>9. Lakukan raptai penuh persembahan</p>	<p>8.1 Pelakon telah bersedia secara mental dan fizikal untuk melakonkan watak.</p> <p>8.2 Pelakon telah menggunakan ruang lakon dengan seimbang.</p> <p>8.3 Pelakon telah mengikut bloking yang ditetapkan oleh pengarah</p> <p>8.4 Pelakon telah melakonkan watak sepenuhnya dalam sesi <i>run through</i>.</p> <p>9.1 Persiapan diri telah dibuat termasuk mengenakan busana dan wajah telah ditatarias mengikut keperluan watak.</p> <p>9.2 Susun atur di atas pentas telah dikenalpasti untuk setiap adegan.</p> <p>9.3 Persembahan telah dipertontonkan kepada khalayak tertutup.</p>

Tajuk CU	Kod CU	Deskripsi CU	Aktiviti Kerja CU	Kriteria Prestasi
			10. Persembahkan teater moden	10.1 Semua pelakon telah bersiap sedia mengikut watak dan tugas masing-masing. 10.2 Busana telah dikenakan pada tubuh dan diperiksa kesesuaian dan keselesaannya. 10.3 Wajah telah ditatarias 10.4 Susun atur/bloking di ruang lakon telah dikenalpasti untuk setiap adegan. 10.5 Persembahan telah dipertontonkan kepada khalayak sebenar dengan penuh penghayatan dan konsentrasi. 10.6 Segala busana dan props dipulangkan. 10.7 Taklimat terakhir telah dilakukan.

Tajuk CU	Kod CU	Deskripsi CU	Aktiviti Kerja CU	Kriteria Prestasi
3. LAKONAN TEATER PANTOMIM / TABLO / DEKON	R900-002-3:2016-C03	<p>Lakonan teater pantomim/ tablo/ dekon merupakan satu bentuk persembahan yang menggunakan peranan narator yang akan menyampaikan cerita secara berasingan dan lakonannya dihiasi oleh pelakon-pelakon tanpa berdialog (kecuali dekon) diiringi oleh muzik.</p> <p>Persembahannya terdiri dalam bentuk tablorama, pantomim mahupun dekon. Tablorama, pantomim mahupun dekon adalah suatu bentuk seni yang menggabungkan unsur muzik, kelenturan tubuh dan ekspresi mimik muka dan tubuh dengan kadar yang sama kuatnya yang diolah menjadi satu kesatuan yang saling menunjang sehingga menghasilkan suatu cerita yang dapat difahami oleh penontonnya.</p> <p>Seseorang yang berupaya di dalam Seni Lakon Bernarator seharusnya boleh lakukan olah tubuh pelakon, latih lontaran suara, latih gerak fizikal, latih pengucapan teks, latih konsentrasi, latih perwatakan</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Olah tubuh pelakon pantomim/ tablo/ dekon 2. Latih lontaran suara pelakon pantomim/ tablo/ dekon 3. Latih gerak fizikal pelakon pantomim/ tablo/ dekon 	<p>1.1 Pelakon telah berdiri dalam keadaan selesa dan tertib.</p> <p>1.2 Regangan dan pemanasan badan telah dilakukan dari kepala hingga ke kaki.</p> <p>1.3 Pelakon dalam keadaan bersedia.</p> <p>2.1 Posisi tubuh berdiri tegak dalam keadaaan senang diri dilakukan.</p> <p>2.2 Nafas ditarik perlahan-lahan memenuhi abdomen.</p> <p>2.3 Nafas dihembus sambil menghasilkan bunyi melalui mulut mengikut arahan.</p> <p>2.4 Langkah lontaran suara telah diulang mengikut pelbagai variasi</p> <p>3.1 Postur tubuh berdiri tegak dalam keadaan senang diri.</p> <p>3.2 Tarik nafas perlahan-lahan memenuhi abdomen.</p>

Tajuk CU	Kod CU	Deskripsi CU	Aktiviti Kerja CU	Kriteria Prestasi
		<p>watak, latih beriringan muzik, lakukan raptai persembahan, dan lakukan raptai penuh persembahan mengikut naskhah dan</p> <p>Hasil pembelajaran pelakon akan mampu melakonkan setiap gerak kerja lakonan dan watak dengan menggunakan kaedah dan teknik seni lakon bernarator.</p>	<p>4. Latih Improvisasi lakon pantomim/ tablo/ dekon</p> <p>5. Latih pengucapan teks (DEKON)</p>	<p>3.3 Pergerakan pemanasan badan dilakukan</p> <p>3.4 Gerak secara spontan dilakukan mengikut arahan.</p> <p>4.1 Elemen alam atau binatang atau objek telah dipilih.</p> <p>4.2 Perwatakan elemen yang dipilih telah dikenal pasti.</p> <p>4.3 Elemen pilihan telah dilakonkan.</p> <p>4.4 Elemen divariasikan mengikut arahan</p> <p>5.1 Naskhah diperolehi daripada produksi.</p> <p>5.2 Tajuk, watak dan konsep telah di pastikan.</p> <p>5.3 Kepelbagai intonasi suara, emosi dan mimik muka telah digunakan dalam bacaan teks.</p> <p>5.4 Bacaan berulangkali bersama rakan lakon telah dilakukan.</p>

Tajuk CU	Kod CU	Deskripsi CU	Aktiviti Kerja CU	Kriteria Prestasi
			<p>6. Latih konsentrasi pelakon.</p> <p>7. Bina watak dan perwatakan</p> <p>8. Latih lakonan beriringan muzik</p>	<p>6.1 Pelakon berada dalam keadaan minda yang tenang</p> <p>6.2 Pernafasan dikawal dengan baik dan teratur.</p> <p>6.3 Pelakon telah fokus dan mendalamai watak berdasarkan situasi dan adegan.</p> <p>6.4 Ketajaman konsentrasi pelakon dibina.</p> <p>7.1 Watak telah dikenal pasti mengikut naskah</p> <p>7.2 Emosi dibina berpandukan watak dan keperluan adegan</p> <p>7.3 Aksi dilakukan berdasarkan watak dalam adegan.</p> <p>8.1 Alunan muzik dihayati.</p> <p>8.2 Pergerakan tempo muzik telah dilakukan dengan tersusun.</p> <p>8.3 Latihan ulangan bersama muzik dilakukan sehingga mantap.</p>

Tajuk CU	Kod CU	Deskripsi CU	Aktiviti Kerja CU	Kriteria Prestasi
			<p>9. Bersedia untuk persembahan</p> <p>10. Lakukan raptai penuh persembahan</p>	<p>9.1 Pelakon disusun mengikut kedudukan masing-masing.</p> <p>9.2 Penggunaan tatarias dipastikan mengikut watak.</p> <p>9.3 Elemen teknikal dipastikan seiiring dengan persembahan.</p> <p>9.4 Persembahan dipertontonkan pada khalayak.</p> <p>10.1 Penggunaan tatarias dan busana dipastikan mengikut watak.</p> <p>10.2 Pelakon disusun mengikut kedudukan peranan masing-masing.</p> <p>10.3 persembahan dipertontonkan kepada khalayak.</p>

Tajuk CU	Kod CU	Deskripsi CU	Aktiviti Kerja CU	Kriteria Prestasi
			11. Persembahkan teater pantomim / tablo / dekon	11.1 Semua pelakon telah bersiap sedia mengikut watak dan tugas masing-masing. 11.2 Penggunaan tatarias dan busana dipastikan mengikut watak. 11.3 Pelakon disusun mengikut kedudukan peranan masing-masing. 11.4 Persembahan dipertontonkan kepada khalayak sebenar. 11.5 Segala busana dan props dipulangkan 11.6 Taklimat terakhir telah dilakukan.

Tajuk CU	Kod CU	Deskripsi CU	Aktiviti Kerja CU	Kriteria Prestasi
4. LAKONAN TEATER EKSPERIMENTAL	R900-002-3:2016-C04	<p>Lakonan Eksperimental adalah persembahan teater yang memaparkan bentuk persembahan yang bukan realistik dan menggunakan pendekatan terkini atau yang masih belum diterokai. Eksperimentasi meliputi aspek lakonan dari segi aksi fizikal, emosi dan idealogi watak.</p> <p>Seorang pelakon Eksperimental boleh mempraktikkan olah tubuh, latih lontaran suara, latih gerak fizikal, latih improvisasi, latih konsentrasi, latih pengucapan teks, bina watak dan perwatakan, bersedia untuk persembahan, lakukan raptai penuh persembahan dan lakukan persembahan dengan cemerlang mengikut naskhah.</p> <p>Daripada keterampilan ini akan menghasilkan seorang pelakon yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang bertepatan dengan kaedah dan teknik lakonan eksperimental dalam penerokaan baru mengikut naskhah dan kreativiti.</p>	<p>1. Olah tubuh pelakon eksperimental</p> <p>2. Latih lontaran suara pelakon eksperimental</p> <p>3. Latih gerak fizikal pelakon eksperimental</p>	<p>1.1 Pelakon telah berdiri dalam keadaan selesa dan tertib.</p> <p>1.2 Regangan dan pemanasan badan telah dilakukan dari kepala hingga kaki.</p> <p>1.3 Pelakon dalam keadaan bersedia.</p> <p>2.1 Postur tubuh berdiri tegak dalam keadaaan senang diri telah dilakukan.</p> <p>2.2 Nafas ditarik perlahan-lahan memenuhi abdomen.</p> <p>2.3 Nafas dihembus sambil menghasilkan bunyi melalui mulut mengikut arahan.</p> <p>2.4 Suara telah dilontar dengan jelas dan lantang.</p> <p>3.1 Postur tubuh berdiri tegak dalam keadaan senang diri.</p> <p>3.2 Pergerakan pemanasan</p>

Tajuk CU	Kod CU	Deskripsi CU	Aktiviti Kerja CU	Kriteria Prestasi
			<p>4. Latih improvisasi lakon eksperimental</p> <p>5. Latih konsentrasi pelakon eksperimental</p>	<p>badan dilakukan.</p> <p>3.3 Gerak secara bukan realistik dilakukan mengikut arahan.</p> <p>4.1 Elemen imej alam, situasi, bunyi dan objek telah ditunjukkan dengan jelas.</p> <p>4.2 Perwatakan elemen yang dipilih telah dikenal pasti.</p> <p>4.3 Elemen pilihan telah dilakonkan.</p> <p>4.4 Elemen divariasikan mengikut arahan.</p> <p>5.1 Pelakon berada dalam keadaan minda yang tenang.</p> <p>5.2 Pernafasan dikawal dengan baik dan teratur.</p> <p>5.3 Pelakon telah fokus dan mendalami watak berdasarkan situasi dan pengalaman. Ketajaman konsentrasi pelakon dibina.</p>

Tajuk CU	Kod CU	Deskripsi CU	Aktiviti Kerja CU	Kriteria Prestasi
			<p>6. Latih pengucapan teks</p> <p>7. Bina Watak dan Perwatakan</p> <p>8. Bersedia untuk Persembahan</p>	<p>6.1 Naskhah telah diperolehi dari produksi.</p> <p>6.2 Tajuk, watak dan konsep telah dipastikan.</p> <p>6.3 Kepelbagaiannya intonasi suara, emosi dan mimik muka telah digunakan dalam bacaan teks.</p> <p>6.4 Bacaan berulang kali bersama rakan lakon telah dilakukan.</p> <p>7.1 Watak telah dikenal pasti mengikut naskah.</p> <p>7.2 Ciri-ciri watak dibina berpandukan penceritaan.</p> <p>7.3 Memahami lakonan bukan realistik.</p> <p>7.4 Aksi kreatif dilakukan berdasarkan watak.</p> <p>8.1 Pelakon memenuhi ruang di atas pentas yang telah diaturkan.</p> <p>8.2 Pelakon mula melakukan gerak mengikut watak secara statik.</p> <p>8.3 Pelakon mula menguasai ruang pentas.</p>

Tajuk CU	Kod CU	Deskripsi CU	Aktiviti Kerja CU	Kriteria Prestasi
			<p>9. Lakukan Raptai Penuh Persembahan</p> <p>10. Persembahkan Teater Eksperimental</p>	<p>8.4 Pelakon mengulangi latihan sehingga mantap.</p> <p>9.1 Semua pelakon telah bersiap sedia mengikut watak.</p> <p>9.2 Semua pelakon disusun mengikut kedudukan peranan masing-masing.</p> <p>9.3 Perbincangan penambahbaikan telah dilaksanakan bersama ahli produksi dan penilai.</p> <p>10.1 Semua pelakon telah bersiap sedia mengikut watak dan tugas masing-masing.</p> <p>10.2 Persembahan dipertontonkan kepada khalayak sebenar.</p> <p>10.3 Pengenalan tenaga produksi telah dilakukan.</p> <p>10.4 Taklimat terakhir telah dilakukan.</p>

Tajuk CU	Kod CU	Deskripsi CU	Aktiviti Kerja CU	Kriteria Prestasi
5. LAKONAN TEATER BANGSAWAN	R900-002-3:2016-C05	<p>Lakonan Teater Bangsawan adalah satu bentuk lakon pentas atau teater melayu yang mempunyai sifat moden, terutamanya dari segi bentuk persembahannya. Bangsawan juga dikatakan teater “transisi” iaitu teater yang mengalami peralihan dari tradisional ke moden. Lakonan Bangsawan antaranya mempunyai ciri-ciri lakonan “Stylize”, tarik nasib dan menggunakan dialog berirama.</p> <p>Seorang pelakon Bangsawan boleh mempraktikkan olah tubuh, latih lontaran suara, latih gerak fizikal, latih improvisasi, latih konsentrasi, latih pengucapan teks, bina watak dan perwatakan, latih lakonan beriringan muzik, bersedia untuk persembahan, lakukan raptai penuh persembahan, dan lakukan persembahan dengan cemerlang mengikut naskhah.</p> <p>Daripada keterampilan ini akan menghasilkan seorang pelakon yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang boleh menterjemah watak di atas</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Olah tubuh pelakon bangsawan 2. Latih lontaran suara pelakon bangsawan 3. Latih gerak fizikal pelakon bangsawan 	<p>1.1 Pelakon telah berdiri dalam keadaan selesa dan tertib.</p> <p>1.2 Regangan dan pemanasan badan telah dilakukan dari kepala hingga kaki.</p> <p>1.3 Pelakon dalam keadaan bersedia.</p> <p>2.1 Postur tubuh berdiri tegak dalam keadaaan senang diri telah dilakukan.</p> <p>2.2 Nafas ditarik perlahan-lahan memenuhi abdomen.</p> <p>2.3 Nafas dihembus sambil menghasilkan bunyi melalui mulut mengikut arahan.</p> <p>2.4 Suara telah dilontar dengan jelas dan lantang.</p> <p>3.1 Postur tubuh berdiri tegak dalam keadaan senang diri.</p> <p>3.2 Pergerakan pemanasan badan dilakukan.</p>

Tajuk CU	Kod CU	Deskripsi CU	Aktiviti Kerja CU	Kriteria Prestasi
		pentas, berlakon bersama rakan lakon dan mewujudkan variasi hubungan dengan watak lain di dalam persembahan dengan gaya lakonan Bangsawan.	<p>4. Latih improvisasi lakon bangsawan</p> <p>5. Latih konsentrasi pelakon bangsawan</p>	<p>3.3 Gerak secara kreatif dilakukan mengikut arahan.</p> <p>4.1 Elemen imej alam, situasi, bunyi dan objek telah ditunjukkan dengan jelas.</p> <p>4.2 Perwatakan elemen yang dipilih telah dikenal pasti.</p> <p>4.3 Elemen pilihan telah dilakonkan.</p> <p>4.4 Elemen divariasikan mengikut arahan.</p> <p>5.1 Pelakon berada dalam keadaan minda yang tenang.</p> <p>5.2 Pernafasan dikawal dengan baik dan teratur.</p> <p>5.3 Pelakon telah fokus dan mendalami watak berdasarkan situasi dan pengalaman.</p> <p>5.4 Ketajaman konsentrasi pelakon dibina.</p>

Tajuk CU	Kod CU	Deskripsi CU	Aktiviti Kerja CU	Kriteria Prestasi
